



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN  
YANG BERUSAHA HAJI BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID  
**SETIAUSAHA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN *BUTTERWORTH FRINGE*  
*FESTIVAL 2023*

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**16 DISEMBER 2023 (SABTU)**  
**5.30 PETANG**

**PADANG PEMUDA MERDEKA**  
**BUTTERWORTH**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Bersama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenannya kita dapat berkumpul dalam **Majlis Perasmian *Butterworth Fringe Festival 2023*** di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Wong Hon Wai, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Pulau Pinang, yang sudi hadir untuk merasmikan *Butterworth Fringe Festival 2023* ini.
3. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Exco-Exco Negeri Pulau Pinang; Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agensi Kerajaan; warga kerja MBSP; rakan-rakan media; dan warga Seberang Perai secara amnya dan warga Butterworth

secara khususnya; pengunjung-pengunjung dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada petang ini.

4. *Butterworth Fringe Festival* (BFF) merupakan acara tahunan bertaraf antarabangsa yang diadakan sejak tahun 2015 (kecuali tahun 2020 dan 2021 akibat penularan wabak *Covid-19*) dengan mempamerkan persembahan tempatan dan antarabangsa secara percuma kepada orang ramai. *Butterworth Fringe Festival* pada tahun 2023 ini adalah merupakan penganjuran kali ketujuh (7) sejak tahun 2015 dan diadakan untuk dua (2) hari, iaitu pada 16 dan 17 Disember 2023. BFF 2023 ini dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), disokong dan disahkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, disokong oleh *Penang Global Tourism*, dan diuruskan oleh TLM Event.
  
5. Pada asalnya, BFF merupakan satu inisiatif untuk meremajakan dan membangunkan semula Bandar Butterworth ke arah *liveable city* yang lebih ceria dan *vibrant* di Seberang Perai serta memangkinkan *Local Economic Development* (LED) bagi penduduk Seberang Perai khususnya dan Negeri Pulau Pinang secara amnya. Penganjuran pesta atau festival ini lebih berbentuk kesenian, kebudayaan dan warisan

dalam usaha menjadikan Bandar Butterworth sebagai hub budaya, kreatif dan inovasi.

6. Penganjuran BFF 2023 mampu menjadi platform untuk menyatupadukan rakyat di atas kecintaan terhadap seni, budaya dan warisan yang melangkaui latar belakang bangsa serta agama. Di samping itu, BFF 2023 juga dilihat berpotensi untuk menjadikan tarikan kepada pelancong-pelancong domestik mahupun antarabangsa.
  
7. Penganjuran BFF pada tahun ini membawa kelainan dalam mempersembahkan budaya nasional dan antarabangsa. Program yang dianjurkan selama dua (2) hari bermula pada 16 Disember 2023 (Sabtu) mulai pukul 5.00 petang sehingga 11.00 malam.
  
8. BFF 2023 melibatkan 12 program utama yang melibatkan pengisian persembahan tempatan dan antarabangsa yang menarik dan warna-warni sepanjang dua hari festival berlangsung:-
  - i. **Busker Stage** yang merupakan persembahan secara langsung di jalanan oleh seniman jalanan, pelakon atau pelawak, dan

penghibur-penghibur yang paling berbakat dan menawan dari seluruh dunia iaitu *Alessandra Azzaro* dari Italy, *Cubic Circus* dari Taiwan, *Moises Ugodos Cedeno's Muy Moi Show* dari Spain, dan *Yoltic Atzin Lopez* dari Mexico. Mereka bersedia untuk menyampaikan persembahan yang mendebarkan dan mempesonakan melalui persembahan akrobatik, telatah lucu dan pergerakan koreografi (*choreography*) yang memukau.

- ii. **Gerak Gaya** bagi yang meminati seni persembahan, muzik dan tarian, serta fesyen, bolehlah menikmati persembahan tarian menarik *Nada: Pulse*, pertunjukan fesyen di *Exquisite Batik Runway*, dan persembahan muzik (*The Pots & Pans, Lepak and Main*) yang menggunakan peralatan dapur seperti periuk dan kualiti.
- iii. **Irama dan Pertuturan (*Rhythm and Spoken Words*)** menjemput para pengunjung untuk mendengar penulis mempersembahkan cerita mereka yang berkaitan mitos, dan persembahan bunyi-bunyian daripada buluh (*sound of bamboo*).
- iv. **Api-api** yang mempersembahkan pergerakan tangkas, lincah dan berani dalam melakukan aksi formasi koreografi tarian api.
- v. **Wave at Bagan** yang dipersembahkan oleh Filamen melalui inovasi dan seni interaktif dalam pemetaan cahaya dan unjuran (*projection mapping*) yang memukau untuk memperlihatkan

liputan sejarah dan budaya serta perhubungan simbiotik antara Bagan dan laut.

- vi. Kita bersama-sama dengan **Kapten Buehbossa**, untuk bermain dan mendalami Seni Buih Sabun untuk menghasilkan aneka jenis corak buih sabun di mana seni dan sains bertemu dalam keajaiban dan kreativiti!
- vii. Untuk peminat seni, jangan ketinggalan **Sesi Karikatur "Karikaturama"** oleh kartunis Azmi Hussin. Lihat karya karikatur terbaik beliau dan juga peluang untuk membuat karikatur anda sendiri.
- viii. Melawat **Pameran Fotografi "Crossing the Strait"** yang mempamerkan peralihan penggunaan feri kuning ikonik sebelum beralih ke penggunaan katamaran dan RORO sekarang ini.
- ix. **Creative Market** yang khusus untuk pengusaha, peniaga dan usahawan tempatan untuk menjual pelbagai jenis barang-barangan mereka.
- x. **Hands on Workshop** di mana anda boleh menonjolkan kreativiti anda dalam mencorak batik, membuat kalungan bunga dan lain-lain.
- xi. **Old-School Games** yang menawarkan pelbagai mainan tradisional.

xii. **RM2 Food Carnival** di mana disediakan gerai-gerai yang menjual pelbagai jenis makanan dan minuman.

9. MBSP amat berharap dengan penganjuran BFF secara tidak langsung akan memangkin *Local Economic Development (LED)* penduduk Seberang Perai khususnya di samping menjadi tarikan pelancong daripada dalam dan luar negara.

10. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, agensi-agensi kerajaan dan swasta atas komitmen yang holistik yang menjadi intipati utama dalam penganjuran BFF kali ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua *stakeholders* dan seluruh komuniti Seberang Perai kerana menyokong semua usaha MBSP selama ini. MBSP amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang berterusan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk penganjuran program yang besar dan gemilang ini, iaitu *Butterworth Fringe Festival (BFF)*, yang bersifat *people-centric sejajar* dengan Penang2030 dan Hala Tuju Strategik MBSP. MBSP ingin terus menyuntik semangat untuk perkembangan pembangunan Butterworth, yang kini mempunyai satu aroma baru kaya dengan nilai kesenian, kebudayaan dan warisan.

11. Akhir kata, marilah kita bersama-sama memeriahkan *Butterworth Fringe Festival* (BFF) 2023 dan melayari Tahun 2024 dengan meningkatkan permuafakatan rakyat bersama Bandaraya Seberang Perai bagi mencapai **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow”**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***